

Ambil alih lebuhraya ikut kemampuan, berperingkat

BH - 25/2/2019 m/s: 2

[FOTO BERNAMA]

➔ Kurangkan 30 peratus atau tol percuma pada masa tertentu bagi kos selenggara

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi

Proses mengambil alih semua lebuhraya di negara ini akan dilakukan secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan kerajaan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sehingga ini, kerajaan bersetuju untuk mengambil alih empat lebuhraya di Lembah Klang terlebih dahulu melalui proses pembelian terus daripada pemiliknya.

Bagaimanapun, katanya, pembelian empat lebuhraya itu akan membabitkan kos yang besar menyebabkan kerajaan perlu mengenakan caj tertentu bagi tujuan penyelenggaraan lalu-lalu terbabit.

"Ini (pengambilalihan) bukan cadangan, tetapi sudah dipersejajui kerajaan bermula dengan beberapa tol yang akan ditutup.

"Bagaimanapun, kita masih perlu kenakan kutipan tol biasa, kurangkan 30 peratus atau tol percuma pada masa tertentu



Dr Mahathir melancarkan Program Kampungku Sihat peringkat Kebangsaan di Pusat Khidmat Anggota Parlimen Langkawi, semalam.

kerana perlu lakukan (kos) penyelenggaraan.

"Tol (kutipan caj) ini juga untuk kita memperbesar, memajukan dan membina lebuhraya baharu pada masa hadapan," katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Kampungku Sihat Kebangsaan di sini, semalam.

Kelmarin, Pejabat Perdana Menteri mengumumkan sudah memulakan proses rundingan dengan Gamuda Berhad untuk mengambil alih konsesi lebuhraya kendaliannya sebagai langkah pertama ke arah menghapuskan mekanisme kutipan tol.

Kenyataan itu menyebut proses pengambilalihan itu membabitkan Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Sistem Pe-

nyuraian Trafik KL Barat (SPRINT), Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan Terowong SMART.

Caj kesesakan akan diperkenalkan

Sebagai ganti, caj kesesakan akan diperkenalkan di mana pengguna lebuhraya akan hanya dikenakan caj yang sama dengan kadar tol sedia ada pada waktu puncak selama enam jam sehari, manakala waktu luar puncak antara jam 11 malam hingga 5 pagi, tol adalah percuma.

Waktu biasa pula akan menyaksikan kadar diskaun tol sebanyak 30 peratus di lebuhraya berkenaan.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir

berkata, sejak mengambil alih Kerajaan Persekutuan, pihaknya sudah memikirkan cara menunaikan segala janji pilihan raya termasuk membabitkan tol.

"Saya mengaku ketika kita buat janji sebelum menang (Pilihan Raya Umum Ke-14), kita tidak mendapat maklumat sepenuhnya.

"Sekarang kita sudah jadi kerajaan baru kita mendapat maklumat sepenuhnya berkaitan kos lebuhraya yang sangat tinggi," katanya.

Ditanya adakah pihak Gamuda Berhad sudah dimaklumkan mengenai pengambilalihan berkenaan, beliau berkata rundingan terbabit dilakukan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng bersama syarikat terbabit.